

PERMOHONAN JENAYAH: BA-44-379-12/2019

(DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA

DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

ANTARA

1. AU SEE YUEN

2. CHAI TAI FOO

3. TRAN MAI TRINH

...

PEMOHON-PEMOHON

DAN

1. PENGARAH

BAHAGIAN PERLUCUTAN HARTA

JABATAN SIASATAN JENAYAH NARKOTIK

IPK SELANGOR

2. PENDAKWA RAYA

...

RESPONDEN-RESPONDEN

ALASAN PENGHAKIMAN

Melalui Notis Permohonan yang difailkan pada tarikh 6 Mei, 2020, pihak Pemohon-Pemohon memohon relif-relif seperti berikut :

- (i) Satu deklarasasi bahawa keputusan yang melucuthakan kesemua harta Pemohon-Pemohon yang telah disita oleh Bahagian Perlucuthakan Harta, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, IPK

Selangor di bawah Seksyen 32(1) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 ("Akta tersebut") Adalah terbatal dan tidak sah memandangkan Pemohon-Pemohon telah menghantar surat tuntutan dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh notis penyitaan diserahkan kepada mereka dan alasan pihak Responden-Responden bahawa Pemohon-Pemohon tidak membuat tuntutan dalam tempoh masa tiga(3) bulan dari tarikh penyitaan sepertimana diperuntukkan di bawah Seksyen 32(1) Akta tersebut adalah tidak munasabah kerana kesemua notis penyitaan hanya diberi kepada Pemohon-Pemohon lebih kurang satu (1) hingga tiga(3) bulan selepas tarikh penyitaan; dan

- (ii) Satu deklarasasi bahawa tuntutan Pemohon-Pemohon dirujuk kembali kepada Reponden-Responden untuk memutuskan sama ada kesemua harta Pemohon-Pemohon yang telah disita oleh Bahagian Perlucuthakan Harta, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, IPK Selangor dikembalikan kepada Pemohon-Pemohon ataupun tuntutan Pemohon-Pemohon dirujuk kepada Mahkamah Sesyen di bawah Seksyen 32(2) Akta tersebut untuk memulakan prosiding bagi perlucuthakan harta Pemohon-Pemohon dalam masa empat belas (14) hari tarikh tarikh perintah ini.

Permohonan tersebut dilakukan di bawah Seksyen 32(1) Akta tersebut, Seksyen 17A Akta Taksiran 1948 dan 1967 dan Seksyen 25 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

FAKTA RINGKAS

Pemohon Pertama

1. Pemohon Pertama telah ditangkap dan ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor dari bulan Februari 2018 hingga bulan Ogos 2018.
2. Pemohon telah diserahkan notis penyitaan pada pada 26-4-2018 bagi penyitaan pada tarikh 6-2-2018 dan 8-2-2018.
3. Pada 11-6-2018, Tetuan Sivananthan telah dilantik sebagai peguam oleh pemohon (selepas ini dirujuk sebagai "peguam pemohon") dan kedua-dua notis telah diserahkan kepada peguam pemohon untuk membuat tuntutan terhadap harta yang telah disita.
4. Peguam pemohon telah menghantar surat tuntutan kepada Pegawai Penyiasat melalui e-mel pada 12-6-2018 dan melalui serahan tangan pada 13-6-2018. Walau bagaimanapun, Peguam pemohon tidak berjaya

mendapatkan apa-apa maklum balas berkenaan status harta yang telah disita tersebut.

5. Pada 5-10-2018, Peguam Pemohon telah mendapat makluman bahawa kesemua barang yang dituntut telah dilucuthakkan pada 22-5-2018.

Pemohon Kedua

6. Pemohon kedua telah ditangkap dan ditahan di Penjara Sungai Buloh Selangor dari bulan Februari 2018.

7. Pemohon telah diserahkan notis penyitaan pada 14-3-2018 bagi penyitaan pada tarikh 5-2-2018 dan 8-2-2018.

8. Peguam pemohon telah menghantar surat tuntutan kepada Pegawai Penyiasat melalui e-mel pada 12-6-2018 dan melalui serahan tangan pada 13-6-2018. Walau bagaimanapun, Peguam pemohon tidak berjaya mendapatkan apa-apa maklum balas berkenaan status harta yang telah disita tersebut.

9. Pada 5-10-2018, Peguam Pemohon telah mendapat makluman bahawa wang dalam akaun CIMB berjumlah RM54,537.14 telah dilucuthakkan pada

22-5-2018 dan motokar Ford Ranger (No Pendaftaran WB 4773 Q) telah dikembalikan kepada pihak Bank.

Pemohon Ketiga

10. Pemohon telah ditangkap pada bulan Februari dan dibawa ke IPK Selangor dan ditahan selama 45 hari. Selanjutnya, pemohon ketiga telah ditahan selama 14 hari di IPD Gombak dan hanya dibebaskan pada bulan Mei 2018.

11. Pemohon telah diserahkan notis penyitaan pada 3-5-2018 bagi penyitaan pada tarikh 6-2-2018 dan 13-2-2018.

12. Peguam pemohon telah menghantar surat tuntutan kepada Pegawai Penyiasat melalui e-mel pada 12-6-2018 dan melalui serahan tangan pada 13-6-2018. Walau bagaimanapun, Peguam pemohon tidak berjaya mendapatkan apa-apa maklum balas berkenaan status harta yang telah disita tersebut.

13. Pada 5-10-2018, Peguam Pemohon telah mendapat maklumat bahawa kesemua barang yang dituntut telah dilucuthakkan pada 22-5-2018.

14. Secara ringkas, kronologi kes dan tarikh-tarikh berkaitan adalah seperti yang berikut:

Pemohon	Tarikh Penyitaan	Tarikh Notis Diserahkan	Tarikh Peguam dilantik	Tarikh Peguam menghantar Tuntutan	Tarikh harta dilucuthakan
Pertama	6-2-2018 dan 8-2-2018	26-4-2018	11-6- 2018	12-6-2018	22-5-2018
Kedua	5-2-2018 dan 8-2-2018	14-3-2018			
Ketiga	6-2-2018 dan 13-2- 2018	3-5-2018			

HUJAHAN PEMOHON

15. Pemohon menghujahkan bahawa pemohon tidak dimaklumkan berkenaan status pelucuthakan yang telah dibuat pada 22-5-2018 sekaligus mengakibatkan pemohon tidak dapat membuat rayuan lebih awal kepada Pendakwa Raya.

16. Seksyen 32(1) Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988 memperuntukkan bahawa barang yang disita akan dilucuthakan dengan serta merta sekiranya tiada tuntutan dibuat dalam tempoh masa 3 bulan daripada tarikh penyitaan.

17. Pemohon menghujahkan bahawa kelewatan notis diberikan kepada pemohon merupakan suatu pelanggaran undang-undang dan telah memprajudiskan pemohon dan menyebabkan pemohon kesuntukan masa untuk melantik peguam.

Terhadap isu sama ada tempoh masa 3 bulan dikira daripada tarikh penyitaan atau tarikh Notis Penyitaan diberikan,

Pemohon menghujahkan bahawa seksyen 32(1) Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988 perlu ditafsirkan secara *purposive* selaras dengan seksyen 17A Akta Tafsiran yang menyatakan seperti yang berikut:

“ Regard to be had to the purpose of Act

17A. In the interpretation of a provision of an Act, a construction that would promote the purpose or object underlying the Act (whether that purpose or object is expressly stated in the Act or not) shall be preferred to a construction that would not promote that purpose or object.”

18. Pemohon merujuk kepada kes **Public Prosecutor v Khairuddin bin Abu Hassan & Anor [2017] MLJU 188** di mana Mahkamah Rayuan memutuskan seperti yang berikut:

“[28] Further, we agreed with the learned judge that in determining whether the offence under section 124L of the Penal Code is a security offence under SOSMA, the proper approach to be adopted is the purposive approach.

[29] In this regard, section 17A of the Interpretation Acts 1948/1967 enjoins a court to interpret a provision of an Act that would promote the purpose or object underlying the Act. It reads:

“In the interpretation of a provision of an Act, a construction that would promote the purpose or object underlying the Act (whether

that purpose or object is expressly stated in the Act or not) shall be preferred to a construction that would not promote that purpose or object.”.

19. Terhadap isu yang sama, Pemohon turut merujuk kepada keputusan satu kes iaitu kes Mahkamah Persekutuan **Hari Bhadur Ghale v Public Prosecutor [2012] 6 MLJ 597.**
20. Dihujahkan Seksyen 25(2) Akta memperuntukkan bahawa notis penyitaan haruslah dibuat seberapa segera yang praktik. Pemohon menghujahkan bahawa Pegawai Penyiasat tidak boleh mengambil sikap sambal lewa di dalam menyerahkan notis kerana ia akan menyebabkan ketidakadilan kepada pemohon.
21. Pemohon turut menghujahkan walaupun penyitaan dibuat dihadapan pemohon, terdapat sesetengah item yang pemohon tidak mempunyai pengetahuan bahawa harta tersebut telah disita seperti wang dalam akaun CIMB pemohon kedua.
22. Pemohon menghujahkan penyerahan notis sitaan merupakan suatu perkara yang penting bagi memaklumkan kepada Pemohon harta-harta yang disita dan tarikh penyitaan itu dibuat.

23. Sehubungan dengan itu, pemohon menegaskan bahawa tempoh pengiraan 3 bulan itu seharusnya bermula daripada tarikh notis diserahkan dan bukanlah daripada tarikh penyitaan dibuat.

Terhadap isu Sama ada Prosedur yang digunakan oleh Pemohon merupakan prosedur yang sesuai untuk permohonan ini,

Pemohon menghujahkan bahawa permohonan deklarasi ini merupakan suatu permohonan yang boleh berdiri sendiri selaras dengan peruntukkan sesyen 41 Akta Relief Spesifik 1950.

24. Pemohon dalam hujahan telah merujuk kepada keputusan kes **Malarkodi Subramaniam v Amgeneral Insurance Bhd [2016] 2 CLJ 642** yang memutuskan seperti berikut:

"[16] Berbeza dengan permohonan bagi mendapatkan suatu perintah deklarasi, kuasa Mahkamah bagi mengisytiharkan hak seseorang di bawah undang-undang telah diperuntukkan di bawah s.41 Akta Relif Spesifik 1950 [akta 137]. Bagi memudahkan rujukan, peruntukan tersebut adalah seperti mana berikut:

Discretion of Court as to declaration of status or right

41. Any person entitled to any legal character, as to any right as to any property, may institute a suit against any person denying, or interested to deny, his title to the character or right, and the court may in its discretion make therein a declaration that he is so entitled, and the plaintiff need not in that suit ask for any further relief.

Provided that no court shall make any such declaration where the plaintiff, being able to seek further relief than a mere declaration of title, omits to do so.

Jelasnya, di bawah undang-undang, permohonan bagi mendapat suatu perintah deklarası merupakan tindakan yang boleh berdiri dengan sendirinya dan dengan itu bolehlah dimulakan melalui tindakan berasingan."

25. Pemohon menghujahkan bahawa Mahkamah yang Mulia ini mempunyai kuasa budi bicara untuk mengeluarkan perintah deklarası atau mana-mana perintah lain yang dianggap sesuai walaupun tiada peruntukan

undang-undang atau kaedah-kaedah yang dinyatakan dalam *intitulement* permohonan ini.

26. Rujukan dibuat kepada kes **Tan Kheng Teong & Anor v Public Prosecutor [1992] 3 CLJ (Rep) 672** di mana Mahkamah memutuskan bahawa;

“[6] cases for forfeiture is essentially a civil proceeding but it is conducted by a criminal court for a reason of convenience. As such, in application under s.8 of the Act the affected person may if he/she so wishes, give notice as in civil proceeding to the Public Prosecutor that he/she desires to cross-examine the deponent(s) of the supporting affidavit(s) (mentioned in s.8) and the court should allow him/her so to cross examine.”

27. Sehubungan dengan itu, pemohon percaya bahawa Mahkamah yang mulia ini mempunyai bidang kuasa sivil untuk mendengar Notis usul pemohon-pemohon dan mengeluarkan suatu perintah deklarasi.

Mengenai Isu Penyerahan Notis,

Pemohon menghujahkan bahawa kes pelucuthakan harta adalah merupakan suatu prosiding sivil berdasarkan keputusan kes **Tang Kheng Teong & Anor. V. Public Prosecutor [1992] 3 CLJ (Rep) 672.**

28. Selanjutnya, Pemohon merujuk kepada Aturan 3 Kaedah 2(3) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM 2012) yang memberikan Mahkamah kuasa untuk melanjutkan atau menyingkatkan sesuatu tempoh yang dikehendaki dalam mana-mana penghakiman, perintah atau arahan untuk melakukakn apa-apa perbuatan dalam mana-mana prosiding.
29. Pemohon turut merujuk kepada Aturan 46 KKM 2012 yang memperuntukkan berkenaan penyerahan notis penyitaan seperti yang berikut:

“ Notice of seizure and inventory (O. 46, r. 16)

16. (1) Where any movable property is seized by the Sheriff or bailiff under a writ of execution or distress, he shall give to the execution debtor a notice of seizure in Form 91, and a copy of the notice shall be filed.

(2) Where the Sheriff or bailiff removes from a place any movable property that is seized, he shall give to the execution debtor at the time the property is removed or immediately afterwards an inventory of the property so removed."

30. Sehubungan dengan itu, pemohon menghujahkan berdasarkan peruntukan di atas, notis penyitaan seharusnya diserahkan sebaik sahaja harta-harta tersebut disita dan Pegawai Penyiasat tidak seharusnya mengambil masa yang panjang untuk menyerahkan notis penyitaan tersebut.
31. Pemohon juga merujuk kepada Aturan 10 Kaedah 1 KKM 2012 yang memperuntukkan bahawa sesuatu writ hendaklah disampaikan secara Kediri kepada setiap defendan atau melalui pos berdaftar dan mestilah dibuat tidak lewat daripada satu bulan dari tarikh writ itu dikeluarkan.
32. Selanjutnya Aturan 62 Kaedah 3 KKM 2012 turut menerangkan berkenaan pelaksanaan penyampaian kediri yang perlu dilakukan dengan meninggalkan suatu salinan dokumen itu dengan orang yang kepadanya dokumen itu hendak disampaikan bagi memaklumkan

kepada pihak defendan mengenai tindakan yang telah diambil terhadapnya.

33. Dihujahkan lanjut dengan memetik keputusan kes **Angkutura Sdn Bhd v Jurimba Sdn Bhd & Anor [2016] 8 CLJ 597**, dimana Mahkamah Rayuan memutuskan;

“[26] It is the appellant's pleaded case that it never received the letters in exh. JR3 purportedly sent by the liquidator upon which learned counsel for the appellant submitted there was no notification. We noted that the letters were indeed sent by certificate of posting. The appellant is a company. Section 350 of Act 125 provides that a document may be served on a company by leaving it at or sending it by registered post to the registered office of the company. The same requirement of registered posting on body corporate can also be found in O. 62 of the Rules of Court 2012. Hence, we are of the view that since there was no evidence that letters were sent by AR registered post and the fact that there was no proof of service, would cast doubt on service of the letters on the appellant by the liquidator.

[27] Hence we opined, there was clear non-compliance on the part of the liquidator in respect of service of documents at the appellant's registered office. We therefore found that the learned JC erred when she found that the appellant had been properly notified and was present during the verification exercise; and that the verification exercise undertaken by the liquidator was conducted properly."

HUJAHAN RESPONDEN

Terhadap isu Sama ada tempoh masa 3 bulan dikira daripada tarikh penyitaan atau tarikh Notis Penyitaan diberikan,

Responden menghujahkan bahawa seksyen 32 Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988 jelas memperuntukkan bahawa pemohon harus memberikan notis tuntutan dalam tempoh masa 3 bulan daripada tarikh penyitaan.

34. Selanjutnya, seksyen 25(2) Akta yang sama turut memperuntukkan bahawa tiada keperluan untuk menyerahkan notis sitaan sekiranya penyitaan dibuat dihadapan pemilik.

35. Responden menghujahkan tindakan yang dibuat oleh Pegawai Penyiasat untuk melucuthakkan harta yang disita pada 22-5-2018 adalah selaras dengan peruntukkan undang-undang dan permohonan yang dibuat ini hanyalah untuk membetulkan kegagalan dan kecuaiannya pemohon yang tidak mempunyai merit.

Terhadap Isu Sama ada Prosedur yang digunakan oleh Pemohon merupakan prosedur yang sesuai untuk permohonan ini,

Responden menghujahkan bahawa permohonan yang dibuat ini tidak mempunyai asas undang-undang.

36. Di dalam kes **Fii Tseh Wan v Toyota Tsusho (M) Sdn Bhd & Anor [2018] 4 CLJ 653**, Mahkamah Tinggi telah merujuk kepada beberapa kes bagi membincangkan berkenaan isu *intitulements di perenggan 39 hingga 45 alasan penghakiman tersebut*.

Beberapa keputusan kes yang lain telah turut dirujuk bagi menyokong penghujahannya bagi menyatakan bahawa dengan merujuk kepada Notis Permohonan dan Affidavit sokongan, pemohon gagal untuk menyatakan secara jelas tajuk-tajuk perkara atau intitulements yang betul bagi menyokong permohonan ini.

Kes-kes rujukan tersebut adalah :

Ketua Pengarah Imigresen Malaysia Iwn Heng Peo [2007] 2 CLJ 111; [2007] 3 MLJ 97 dan kes *Uthayakumar Ponnusamy v. YAB Dato' Sri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia & Ors [2017] 6 CLJ 297.*

Mengenai isu Penyerahan Notis

37. Responden merujuk kepada kes **AlliedBank (Malaysia) Bhd v. Yau Jiok Hua [1998] 2 CLJ 33** yang telah merujuk kepada *The Supreme Court Practice 1985 Vol 1* yang antara lainnya menyatakan;

"On the manner of effecting personal service The Supreme Court Practice 1985 Vol 1 says this at p. 996:

To effect personal service the clerk or other person entrusted with the task should first satisfy himself that he has found the right man. He should then hand to or leave with the person to be served a copy of the writ. If the person will not take the copy, he should tell him what it contains and leave it as nearly in his possession and control as he can."

38. Responden menghujahkan bahawa maxim undang-undang 'Generalia Specialibus Non Derogant' adalah terpakai dimana undang-undang spesifik adalah mengatasi undang-undang yang umum. Oleh itu, seksyen 25(2) dan Seksyen 32(1) Akta tersebut hendaklah dipatuhi mengatasi undang-undang sivil dari segi penyampaian dokumen kerana ia bersifat lebih umum.
39. Pihak Responden juga merujuk kepada seksyen 25(2) dan kepada Jadual Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang disalin semula seperti berikut:

Seksyen 25. Kuasa Mahkamah Tinggi.

(1) Tanpa menjejaskan keluasan Perkara 121 Perlembagaan, Mahkamah Tinggi dalam menjalankan bidang kuasanya hendaklah mempunyai segala kuasa yang telah terletak hak padanya sebaik sebelum Hari Malaysia dan apa-apa kuasa lain yang terletak hak padanya oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa dalam bidang kuasa tempatannya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai kuasa tambahan yang dinyatakan dalam Jadual:

Dengan syarat bahawa segala kuasa itu hendaklah dijalankan mengikut mana-mana undang-undang bertulis atau kaedah-kaedah mahkamah yang berhubungan dengannya.

40. Berdasarkan seksyen 25(2) Akta Mahkamah Kehakiman 1964, responden menghujahkan bahawa walaupun Mahkamah mempunyai bidang kuasa kehakiman yang sangat luas termasuk pendengaran permohonan deklarasi, keluasan bidang kuasa tambahan tersebut adalah bersyarat dan hendaklah dilaksanakan mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan dengannya.

41. Dalam perkara ini, responden telah merujuk kepada kes **Suresh Kumar Velayuthan And Public Prosecutor [2020] 1 LNS 108** di mana Mahkamah Tinggi memutuskan aplikasi seksyen 13 Akta SOSMA berkenaan dengan permohonan jamin bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta SOSMA mengatasi seksyen 388 Kanun Tatacara Jenayah yang merupakan sumber perundangan umum bagi isu jaminan bagi kesalahan-kesalahan jenayah am.

ULASAN DAN DAPATAN

42. Perlu diambil perhatian bahawa tujuan utama notis penyitaan diberikan adalah untuk memastikan bahawa pihak yang terlibat mempunyai pengetahuan berkenaan perkara yang dihadapinya.
43. Adalah menjadi hak keadilan semula jadi bahawa semua pihak yang terlibat dengan sesuatu kes perlu mempunyai pengetahuan berkenaan kes yang dihadapi olehnya. Itu adalah sesuatu yang asasi dan merupakan hak asasi seseorang individu.
44. Situasi ini telah dijelaskan dalam kes, **Lai Tai V The Collector Of Land Revenue [1960] 1 MLJ 82** di mana pemohon di dalam kes tersebut, tidak pernah mempunyai pengetahuan berkenaan prosiding yang dihadapi olehnya. Mahkamah dalam membenarkan pelanjutan masa oleh pemohon untuk menfailkan permohonan telah menyatakan:

“ Per Curiam: "It is a matter of natural justice that before property is taken compulsorily and compensation fixed, the owner should be made aware of the proceedings, where it is humanly possible to do so, so that he may be heard. The Enactment makes it quite

clear that every reasonable effort should be taken to ensure that the owner and occupier are served with notice of the proceedings.

...on the facts of this case I am satisfied that there are special reason for enlarging the time under section 22 of the Enectment."

45. Di dalam membincangkan berkenaan tempoh masa penyerahan notis penyitaan pula, wajar dirujuk keputusan di dalam kes **Permodalan YBK Sdn Bhd v Pentadbir Tanah Daerah Hulu Selangor [2013] 9 MLJ 28**, di mana Mahkamah telah memutuskan berkenaan tujuan “*endorsement*” dalam kes berkaitan pengambilan tanah. Ia bertujuan untuk memberikan makluman kepada pihak-pihak yang berkaitan, mengenai perkara tersebut.
46. Mahkamah di dalam kes yang sama memutuskan bahawa, walaupun seksyen 97(2) Kanun Tanah Negara tidak memperuntukkan tempoh masa untuk ‘endorsement’ dilakukan, tetapi sekiranya ianya dibuat selepas 3 bulan, ia secara tidak langsung telah meindakkan hak pihak-pihak.
47. Mahkamah di dalam kes yang sama juga menyatakan seperti yang berikut:

“The purpose of the endorsement was to give notice to all and sundry having existing or prospective interests in the land that forfeiture may be imminent if the registered owner failed to comply with the notice of demand. Although s 97(2) did not specify when the endorsement should be made, if it was made after the three months’ notice given to the land owner had expired, it meant the world at large was denied a chance to make the payment as by then, the subject-matter no longer existed, the offer would have lapsed and the land would be liable to forfeiture.”

48. Mengaplikasikan prinsip kes tersebut kepada kes yang dihadapi oleh pemohon kini, adalah jelas bahawa kelewatan penyerahan notis telah meniadakan hak-hak pemohon untuk mendapat makluman dalam tempoh masa yang secukupnya.
49. Walaupun Responden menghujahkan bahawa tiada keperluan untuk notis penyitaan diberikan kerana penyitaan dibuat dihadapan pemohon, penyerahan notis penyitaan secara Kediri adalah penting bagi memastikan pemohon mendapat makluman berkenaan penyitaan tersebut.

50. Di dalam kes **Dayrell Walter Entrie V Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Anak Numpang [2007] 1 MLJ 651** Mahkamah di dalam memutuskan berkenaan penyerahan dokumen secara Kediri memutuskan—

“ [22] With regret, I cannot accept Mr Dominique Ng's argument and his contention cannot hold water because it was not personal service in accordance with the law. Here, I share the views expressed by Datuk Clement Skinner J in his judgment in the Election Petition No 26–01 of 2006–I (SG) at p 18 line 14 to p 19 line 3 as follows:

In my judgment to effect personal service of the petition on the respondent, a copy of the petition should have been left with him. See O 62 r 3 Rules of the High Court 1980, which states that personal service is effected:

by leaving a copy of the document with the person to be served and...

From the undisputed facts, it is evident that the [Election petition papers were] never left with the [third respondent]. [Notwithstanding the fact that the third respondent pushed the election petition papers] but, at that stage he (Mr Mujah) should

not have taken back the document and instead left it as near to the possession and control of the {third respondent} or thrown down a copy of the [Election petition papers] near to the [third respondent] in his presence -while informing him of the nature of the petition and that would have been considered good service (see Thompson v Phenev [1832] 1 Down 443), but not having done either and having taken back the [election petition papers] from the [third respondent], it cannot be said that Mr Mujah had served the [Election petition papers] on the [third respondent].

Hence, I find that on 24 July 2006, personal service of the election petition papers had not been effected on the third respondent on the stairs leading to the main entrance of the DUN building.

[23] Further the chronological sequence of events showed that as at 26 July 2006, personal service had failed and from the undisputed evidence from the Hansardit also showed no personal service of the election petition papers by the petitioner was ever performed on the third respondent as at 27 July 2006.”

51. Selanjutnya di dalam kes **POW HING & ANOR v REGISTRAR OF TITLES, MALACCA [1981] 1 MLJ 155** YM Raja Azlan Shah (Di ketika itu), menjelaskan, kuasa *State Authority* di dalam kes forfeiture adalah merupakan satu kuasa yang berat dan perlu dijalankan dengan penuh

kepatuhan terhadap undang-undang. Mahkamah Persekutuan dalam kes tersebut menyatakan:

“ The Result

We accordingly find that the purported forfeiture of the land in question by the Collector is invalid and must be set aside. ...

Postlude

The power to forfeit alienated land provided for under the Code is a useful and essential piece of heavy defensive artillery entrusted to the State Authority for the conservation of public revenue and protection of the public weal. An order of forfeiture can only be set aside on grounds circumscribed by the provisions of section 134(2) and then too not lightly for insubstantial cause. We have therefore thought it necessary to deal with the matter before us at some length to show why it has been necessary to do so in this case.

In tune with the prelude with which we commenced at the outset, we would by way of postlude in restating the message this decision delivers enjoin every official concerned with or involved in exercising powers and duties under the Code and related legislation to regard this judgment as a regrettably necessary but solemn caveat, giving warning, loud and clear, against any wanton disregard or sloppy application of express statutory provisions in

the exercise of their functions, and one to be understood, marked and digested as such. We would add that they must strive to be au fait with the law they have to administer and should not hesitate in the course of their statutory duties to seek legal advice whenever necessary from the State Legal Adviser or his confreres and should never put the latter in the invidious and perhaps even intolerable position they found themselves in these proceedings of having both in the court below and before us to make feeble attempts at ex post facto justification for the inexcusable defaults of others on a post hoc ergo propter hoc premise, quite apart from unnecessarily constraining the justly aggrieved to pit themselves in curial combat against the massive and bottomless purse of the State — much to the delight, perhaps, of the legal profession.”

Lantas, berpaksikan kepada prinsip seperti yang dinyatakan, Permohonan oleh Pemohon-Pemohon disini adalah penuh bermerit dan diizinkan. Permohonan diizinkan berasaskan kepada asas-asas berikut:

- (a) Adalah menjadi hak keadilan semula jadi untuk pemohon mengetahui berkenaan pelucutan harta pemohon;
- (b) Di dalam kes ini, tiada penyerahan Kediri berkenaan notis penyitaan semasa awal penyitaan dibuat dan penyerahan hanya dibuat selepas suatu tempoh masa yang panjang;
- (c) Tindakan Pegawai Penyiasat yang telah melucuthakkan harta-harta yang disita adalah tidak selaras dengan peruntukkan di bawah Seksyen 32 Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakkan Harta) 1988 yang perlu ditafsirkan secara purposive.
- (d) Berdasarkan seksyen 32, tuntutan hanya boleh dibuat dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh penyitaan. Kelewatan pemberian notis penyitaan jelas telah memprejudiskan hak pemohon-pemohon memandangkan pemohon-pemohon sememangnya perlu mempunyai pengetahuan berkenaan penyitaan tersebut.
- (e) Kelewatan penyerahan notis penyitaan telah menidakkan hak pemohon untuk membuat tuntutan terhadap harta yang disita;

(f) Mahkamah di dalam keadaan tertentu boleh membenarkan perluasan tempoh masa sekiranya mendapati bahawa hak-hak seseorang individu telah dinafikan.

KESIMPULAN

Setelah meneliti kepada Permohonan ini secara keseluruhannya, saya memutuskan Pemohon-Pemohon telah berjaya menunjukkan merit di dalam Permohonan mereka untuk Perintah Deklarasi dikeluarkan seperti mana yang dipohon melalui Notis Permohonan ini, berdasarkan kepada isu-isu yang dibangkitkan itu.

Isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Pemohon-Pemohon tersebut jelas mengandungi merit. Oleh itu, diputuskan yang Permohonan oleh Pemohon-Pemohon melalui Notis Usul ini adalah diizinkan. Namun terhadap Relif Deklarasi di butiran (ii), ia hanya berkuatkuasa selepas tamat tempoh Rayuan, iaitu seandainya tiada terdapat apa-apa Rayuan dikemukakan.

-T.T-

(YA DATO' INDERA ABD. HALIM BIN AMAN)

Hakim

Mahkamah Tinggi Malaya

Shah Alam

BERTARIKH PADA 7 OGOS, 2020